

Kajian Analisa Kandungan Akhbar Terhadap Aspek Laporan
Pemberitaan Penyiasatan Ke atas Empat Akhbar Harian Dan
Mingguan Yang Terpilih Selama Dua Tahun Iaitu Dari Bulan
Januari 1980 hingga Januari 1982.

Oleh:

BAHARUDIN ABDUL KADIR

Latihan Ilmiah ini untuk memenuhi syarat-syarat bagi
Kelayakan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian, Bahagian
Komunikasi Massa, Universiti Sains Malaysia, Pulau
Pinang 1982/83.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Kajian Analisa Kandungan Akhbar Terhadap Aspek Laporan Pemberitaan Penyiasatan Ke atas Empat Akhbar Harian Dan Mingguan Yang Terpilih Selama Dua Tahun Iaitu Dari Bulan Januari 1980 Hingga Januari 1982.

TERIMA KASIH SAYA KEPADA
JURU MURAH YANG TERLIBAT DALAM
MEMBAKAR TESIS INI TERUTAMA
PENTARAH EN. MUSTATA KAMAL ANUAR
PER PUSAT PENGAJIAN ILMU

Latihan Ilmiah ini diajukan kepada Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan untuk kelayakan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian.

r 6m
fac 295
M22 B151

Oleh:

Baharudin Abdul Kadir
Komunikasi Massa 1982/83
Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang
Februari 1983

Pengantar

Kajian ini merupakan hasil analisis kandungan artikel-
artikl yang terdapat dalam koran-koran yang diterbitkan
pada tahun 1963-1964.

Penghargaan

Kajian ini merupakan hasil kerja sama antara penulis dan

TERIMA KASIH SAYA UCAPKAN KEPADA
SEMUA MEREKA YANG TERLIBAT DALAM
MENJAYAKAN TESIS INI TERUTAMA
PENSYARAH EN. MUSTAFA KAMAL ANUAR
DAN RAKAN SEPERJUANGAN.

Bab ketiga - Kaedah Penyelidikan - menerangkan kaedah yang
diguna dalam kajian ini serta menjelaskan konsep-konsep
yang diguna dalam kajian ini. Bab keempat - Analisis Kandungan -
menganalisis hasil-hasil penyelidikan yang dibuat dengan data-
data dan jadual-jadual yang tepat. Ini disertakan juga dengan
pencerahan dari penulis mengenai penemuan-penemuan tersebut.
Kemudian Bab Lima - Pendapat - memberi kesimpulan dan pandangan
penulis mengenai penyelidikan yang dibuat. Ini disertakan dengan
tembung dengan editor akhbar mengenai perancangan kajian ini.
Akhirnya Bab Enam - Undang-Undang Akhbar - membincangkan mengenai
akta-akta yang terlibat secara langsung dengan akhbar untuk penemuan
tersebut terutama yang melibatkan diri dalam penerbitan penyiaran.

Sinopsis

Kajian ini menggunakan kaedah analisa kandungan untuk menganalisa isi kandungan akhbar ke atas bentuk pemberitaan penyiasatan sahaja.

Tesis ini mengandungi enam bab kesemuanya tidak termasuk lampiran dan rujukan. Bab pertama - Pendahuluan - menerangkan latar belakang persoalan dan sebab-sebab mengapa penulis memilih kajian ini. Bab Kedua - Resensi Buku - berkaitan dengan analisa buku-buku dan kajian-kajian yang telah dibuat oleh penyelidik mengenai tajuk yang sama. Dan bab Ketiga - Kaedah Penyelidikan - menerangkan kaedah yang diguna dalam kajian ini serta menjelaskan konsep-konsep yang diguna dalam kajian ini. Bab Keempat - Analisa Kajian - mengemukakan hasil-hasil penyelidikan yang dibuat dengan data-data dan jadual-jadual yang tepat. Ini disertakan juga dengan penghuraian dari penulis mengenai penemuan-penemuan tersebut. Kemudian Bab Lima - Penutup - memberi kesimpulan dan pandangan penulis mengenai penyelidikan yang dibuat. Dan disertakan dengan temuduga dengan editor akhbar mengenai permasalahan kajian ini. Akhirnya Bab Enam - Undang-Undang Akhbar - membincangkan mengenai akta-akta yang terlibat secara langsung dengan akhbar untuk pengetahuan wartawan terutama yang melibatkan diri dalam pemberitaan penyiasatan.

Sebagai kesimpulannya kajian penyelidikan akhbar ini adalah kerjaya latihan ilmiah yang menarik dalam meningkatkan lagi penyelidikan kewartawanan di negara ini. Tambahan pula penyelidikan ke atas pemberitaan penyiasatan ini merupakan yang pertama dan baru di Malaysia. Penyelidikan ke atas tajuk ini berkaitan dengan konsep kebebasan akhbar di Malaysia. Satu topik yang menjadi kegemaran dan perhatian pihak pemerintah dan pihak akhbar sendiri. Ringkasnya kajian penyelidikan ini boleh digunakan sebagai bahan ilmiah untuk mahasiswa komunikasi membuat kajian lanjutan mengenai tajuk yang sama.

1. Kajian	12
2. Tujuan kajian	14
3. Objektif kajian	15
4. Cara melaksanakan kajian	13
5. Hipotesis	14
6. Kaedah penyelidikan	14
7. Pengiraan konsep	17
8. Pengiraan huruf rimba	20

IV. ANALISIS DATA

1. Cara analisis kajian	25
2. Kesimpulan-penemuan perling kajian	28

V. PENUTUP

1. Kesimpulan	60
2. Interview dengan editor	75
3. Daftar	82

ISI KANDUNGAN

<u>BAR</u>		<u>MS</u>
VI	INDAH-INDAH KEMAS YANG BERATTORUMSIAN	
<u>BAR</u>	<u>REVISI DAN PERUBAHAN DI CLAYTON</u>	<u>MS</u>
I	PENDAHULUAN	1
II	RESENSI BUKU	6
III	KAEDAH PENYELIDIKAN	
	1. Kajian	12
	2. Keutamaan kajian	12
	3. Objektif kajian	13
	4. Skop permasalahan kajian	13
	5. Hipotesis	14
	6. Kaedah penyelidikan	14
	7. Penghuraian konsep	17
	8. Penggunaan huruf ringkas	26
IV	ANALISA KAJIAN	
	1. Pangka kasar kajian	27
	2. Penemuan-penemuan penting kajian	28
V	PENUTUP	
	1. Kesimpulan	68
	2. Interview dengan editor	75
	3. Cadangan	82

SEJARAH JABAL

<u>BAB</u>	<u>ms</u>
VI UNDANG-UNDANG AKHBAR YANG BERKAITAN DENGAN PENBERITAAN PENYIASATAN DI MALAYSIA	
1. Ordinan Fitnah 1957	85
2. Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960	88
3. Akta Masutan 1948	90
4. Akta Rahsia Rasmi 1972	93
5. Akta Mesin Cetak 1948	94
6. Akta Kawalan Bahan Bercetak 1958	96
<u>Jadual 1</u> Pengkelasan darjah keparagrahan akhbar-akhbar terdapat dalam penyiasatan penyiasatan mengikut sistem pengurusan unit	31
Lampiran I - Data-data tambahan <u>Jadual 1</u> Pembahagian isu-isu laporan pemberitaan penyiasatan mengikut akhbar-akhbar pilihan	33
Lampiran II - Sejarah dan perspektif akhbar-akhbar pilihan kajian <u>Jadual 1</u> Pengukuran darjah keparagrahan isu-isu laporan penyiasatan berdasarkan penilaian tindakbalas mengikut akhbar	35
Rujukan <u>Jadual 1</u> Pembahagian kategori-kategori isu laporan penyiasatan yang terperinci mengikut akhbar- akhbar pilihan	37
<u>Jadual 2</u> Peraturan penglihatan pihak-pihak yang menjadi sasaran dalam laporan penyiasatan di empat akhbar pilihan	41

SENARAI JADUAL

<u>Jadual 1</u>	me
Penglibatan pihak-pihak yang menjadi sasaran dalam laporan penyiasatan mengikut akhbar-akhbar pilihan	42
<u>Jadual 2</u>	
Bilangan peratusan laporan pemberitaan penyiasatan dalam akhbar-akhbar pilihan	28
<u>Jadual 3</u>	
Pengkelasan jenis-jenis laporan pemberitaan penyiasatan mengikut akhbar-akhbar pilihan	29
<u>Jadual penilaian 1:2</u>	
Pengkelasan darjah keupayaan akhbar-akhbar terpilih dalam pemberitaan penyiasatan mengikut sistem pengukuran unit	31
<u>Jadual 4</u>	
Pembahagian isu-isu laporan pemberitaan penyiasatan mengikut akhbar-akhbar pilihan	33
<u>Jadual penilaian 2:3</u>	
Pengukuran darjah keutamaan isu-isu laporan penyiasatan berdasarkan penilaian tindakbalas mengikut akhbar	35
<u>Jadual 5</u>	
Pembahagian kategori-kategori isu laporan penyiasatan yang terperinci mengikut akhbar-akhbar pilihan	37
<u>Jadual 6</u>	
Peratusan penglibatan pihak-pihak yang menjadi sasaran dalam laporan penyiasatan di empat akhbar pilihan	41
Peratusan laporan penyiasatan di dalam ruangan khas mengikut tiap-tiap akhbar pilihan	50

Jadual 6

Penglibatan pihak-pihak yang menjadi sasaran dalam laporan penyiasatan mengikut akhbar-akhbar pilihan	42
---	----

Jadual 7

Pengkelasan lokasi berita penyiasatan mengikut akhbar-akhbar pilihan	44
--	----

Jadual 8

Pembahagian nilai-nilai negatif-positif-neutral berita laporan penyiasatan mengikut akhbar pilihan	46
--	----

Jadual 9

Penglibatan peratusan kakitangan awam kerajaan dalam nilai berita laporan penyiasatan mengikut akhbar pilihan	50
---	----

Jadual 10

Pembahagian darjah tindakbalas hasil dari laporan penyiasatan di akhbar pilihan	52
---	----

Jadual 11

Pnetapan laporan-laporan berita penyiasatan mengikut muka surat di akhbar akhbar pilihan	54
--	----

Jadual 12

Perincian berita utama dalam pembahagian bahagian-bahagian kajian tertentu mengikut akhbar pilihan	56
--	----

Jadual 13

Peratusan laporan penyiasatan di dalam ruangan khas mengikut tiap-tiap akhbar pilihan	58
---	----

SENARAI GERAF

ms

Geraf 1

Perkembangan kasar laporan penyiasatan
sepanjang dua tahun 1980-1982 dari purata
empat akhbar yang terpilih 61

Geraf 1a

Perkembangan bilangan laporan penyiasatan
dalam akhbar New Straits Times selama dua tahun
Januari 1980 - Januari 1982 63

Geraf 1b

Perkembangan bilangan laporan penyiasatan
dalam akhbar Berita Harian selama dua tahun
iaitu Januari 1980 - Januari 1982 64

Geraf 1c

Perkembangan bilangan laporan penyiasatan
dalam akhbar Utusan Malaysia selama dua tahun
iaitu Januari 1980 - Januari 1982 65

Geraf 1d

Perkembangan bilangan laporan penyiasatan
dalam akhbar The Star selama dua tahun iaitu
Januari 1980 - Januari 1982 66

'Investigative reporting' atau pemberitaan penyiasatan ialah satu istilah kewartawan yang baru bagi Malaysia. Jika satu perlakapannya ialah Kepala penerbitan dan penerbitannya. Teknik teknik kewartawan negara menyangkut istilah dan bentuk laporan bagi kerana kebebasan yang berani dan aktif.

'Investigative' berasal dari perkataan latin 'vestigium' yang bermakna jejak atau tapak kaki. Jejak-jejak yang diikuti penyelidikan pemerhatian, pengujian, penelitian dan pendedahan. Jejak itu boleh mentau cabaran dan dugaan ialah penerbitan jejak ini boleh berbentuk negatif atau **BAB I**

PENDAHULUAN

'Reporting' atau dari perkataan latin 'reportare' yang berarti pendedahan sesuatu dari satu-catu tempat. Pembawaan ini boleh pendedahan ini berlaku dengan pantas, mudah, tepat dan tepat. Pendedahan yang berupa maklumat itu berusaha merangkumi pihak-pihak yang berkontroversi supaya adil. Pendedahan ini ada tujuannya, dalam penelitian ialah penerbitan yang akan menerima tindakbalas dari sumber tersebut.

Cabangan 'investigative reporting' atau pemberitaan penyiasatan menjelaskan penerbitan berita yang memerlukan usaha penyiasatan, penelitian, pertimbangan dan pendedahan ke atas satu-catu isu penting. Isu-isu yang menjadi sasaran adalah isu yang menjadi rahsia dan isu negatif bagi masyarakat. Isu-isu positif tidak pernah dibincangkan malah diperolehi tanpa penyiasatan.

'Investigative reporting' atau pemberitaan penyiasatan adalah satu istilah kewartawanan yang baru bagi Malaysia. Baru pada perlaksanaannya bukan kepada pemahaman dan penerimaannya. Tokoh-tokoh kewartawanan negara menyanjung istilah dan bentuk laporan begini kerana pendekatan yang berani dan aktif.

'Investigative' berasal dari perkataan latin 'vestigium' yang bermakna jejak atau tapak kaki. Jejak-jejak yang diikuti memerlukan pemerhatian, pengawasan, penelitian dan pendedahan. Jejak itu boleh membawa cabaran dan dugaan malah penemuan jejak ini boleh berbentuk negatif atau positif.

'Reporting' pula berasal dari perkataan latin 'reportare' yang bererti pemindahan sesuatu dari satu-satu tempat. Pembawaan ini boleh bermaksud pemindahan waktu atau maklumat. Pemindahan ini berlaku dengan pantas, mudah, nyata dan tepat. Pemindahan yang berupa maklumat itu haruslah merangkumi pihak-pihak yang berkontroversi supaya adil. Pemindahan ini ada tujuannya, dalam penulisan iaitu pembaca, yang akan menerima tindakbalas dari sumber tersebut.

Cabungan 'investigative reporting' atau pemberitaan penyiasatan menjelaskan penulisan berita yang memerlukan usaha penyiasatan, penilaian, pertimbangan dan pendedahan ke atas satu-satu isu penting. Isu-isu yang menjadi sasaran adalah isu yang menjadi rahsia dan isu negatif bagi masyarakat. Isu-isu positif tidak payah diusahakan malah diperolehi tanpa penyiasatan.

Pemberitaan penyiasatan ini boleh berlaku di media massa sama ada media percetakan atau elektronik. Biasanya peranan ini dilakukan oleh pihak swasta yang bebas dari kawalan kerajaan. Keadaan ini wujud di negara barat seperti Amerika Syarikat dan Britain. Malaysia satu kes yang berbeza, media elektronik dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan yang diletakkan di bawah Kementerian Penerangan. Kementerian ini diketuai oleh Menteri Penerangan. Jadi semua stesen radio dan televisyen di Malaysia di bawah kawalan RTM (Radio Televisyen Malaysia) kecuali siaran radio RAAF di Butterworth yang dikendalikan oleh pengkalan tentera Australia.

Jadi peluang untuk memperkenalkan bentuk pemberitaan penyiasatan di dalam media elektronik ini adalah mustahil di Malaysia. Maka media percetakan saja berupaya menjalankannya kerana kebanyakannya di bawah swasta. Dalam media percetakan ini pula hanya akhbar saja yang layak menjalankan peranan ini kerana ianya berbentuk keluaran semasa. Penerbitan lain seperti majalah dan buku bukan berbentuk keluaran semasa.

Akhbar merupakan media yang penting dalam penyaluran maklumat yang menjadi sumber 'pemimpin pendapat' terutama kepada masyarakat bandar. Namun akhbar-akhbar juga mempunyai dilema mereka sendiri. Akhbar-akhbar di Malaysia kebanyakannya bukan sepenuh kerajaan dan bukan sepenuh swasta. Penguasaan majoriti saham dalam syarikat-syarikat akhbar oleh pergerakan politik menjadikan pihak akhbar tidak menentu.

² Vincent Lowe, Kebudayaan dan Kawalan Media: Satu Perbandingan Tentang Iklan-Akhbar di Malaysia, dalam buku Media Masyarakat 1982, no. 125-138.

Apabila Akta Mesin Cetak 1948 dipinda pada tahun 1971, satu peraturan baru dikeluarkan yang mewajibkan pemilikan majoriti saham syarikat akhbar dipegang oleh warganegara Malaysia. Ekoran dari itu PERNAS (Permodalan Nasional) telah membeli 80% saham Kumpulan The New Straits Times Berhad dan juga 80% saham Kumpulan Utusan Melayu Berhad. PERNAS adalah badan berkanun kerajaan yang dipengerusikan oleh Tengku Razaleigh Hamzah masa itu (John Lent 1978).¹

Kumpulan The New Straits Times Berhad memiliki akhbar New Straits Times dan Sunday Times, Berita Harian dan Berita Minggu, Malay Mail dan Sunday Mail dan beberapa majalah bulanan. Manakala Kumpulan Utusan Melayu Berhad pula menerbitkan akhbar Utusan Melayu dan Utusan Zaman, Utusan Malaysia dan Mingguan Malaysia, dan beberapa majalah bulanan.

Syarikat akhbar The Star Publication pula menjadi anak syarikat kepada Multi Purpose Holding, badan ekonomi induk parti MCA (Vincent Lowe 1982).² The Star Publication mencetak dan menerbitkan akhbar The Star dan Sunday Star, dan beberapa majalah bulanan. Manakala parti MCA merupakan komponan Barisan Nasional yang memerintah Malaysia sekarang. Pengerusi akhbar The Star ini adalah Tunku Abdul Rahman bekas Perdana Menteri Malaysia.

¹ John Lent, Press Freedom in Asia, dalam majalah Gazettes vol. 24 1978, ms. 24

² Vincent Lowe, Kebebasan dan Kawalan Media: Satu Perbincangan Tentang Isu-Isu Akhbar di Malaysia, dalam buku Media Masyarakat 1982, ms. 125-138.

Kemudian sekatan langsung dari undang-undang dan akta menjadikan pihak akhbar sangat berwaspada dalam penerbitan mereka. Lihat bab 6 untuk rujukan akta dan undang-undang akhbar di Malaysia. Sikap sangat waspada ini membantut peningkatan pemberitaan penyiasatan di Malaysia. Tambahan pula melalui pemilikan majoriti saham dan kuasa lembaga pengarah di akhbar-akhbar oleh pergerakan politik akan menjejaskan perjalanan dan keputusan dasar akhbar.

Namun seruan untuk mempraktikkan pemberitaan penyiasatan oleh akhbar-akhbar telah disuarakan oleh Perdana Menteri Kedua Malaysia, Allahyarham Tun Abdul Razak semasa memberi ucapan dasar dalam perjumpaan dengan wartawan di tahun 1974.* Ekoran dari itu para wartawan cuba mewujudkan 'Press Council' tapi gagal kerana kurang sokongan. Hinggalah perubahan pucuk pimpinan pada bulan Jun 1981 dengan naiknya pemerintahan 2M yang lebih liberal.

Sikap pemerintahan yang liberal ini membuka peluang untuk akhbar menjalankan peranan 'watch dog' dengan mempraktikkan pemberitaan penyiasatan. Penulisan berita bentuk ini dibuat dengan lebih bersistematik dan tersusun seperti penubuhan ruangan-ruangan khas berita penyiasatan.

* beliau menyeru supaya wartawan memainkan peranan 'watch dog' kepada kerajaan dengan mendedahkan kesilapan kerajaan untuk diperbaiki demi kepentingan rakyat, ucapan dalam majlis wartawan-wartawan Malaysia di Kuala Lumpur 1974.

Walaupun pemerintahan 2M yang liberal dalam soal kebebasan akhbar tapi hubungan langsung kerajaan dengan akhbar tadi (pemilikan saham) tidak berubah. Perhubungan di antaranya rapat dan erat yang menyebabkan pihak akhbar tertarik untuk menyokong semua tindakan kerajaan. Dalam menjalankan peranan penyiasatan pihak akhbar berusaha untuk membentasi kepincangan dalam masyarakat. Ini sehaluan dengan matlamat kerajaan baru seperti kerajaan 2M ini.

Apa yang menarik adalah pihak akhbar di Malaysia kini mampu menjalankan pemberitaan penyiasatan walaupun terkongkong dalam sekatan akta, terikat dalam pemilikan saham syarikat dan tertunduk dalam keputusan dasar lembaga pengarah (tokoh-tokoh politik). Ini adalah satu keadaan yang luarbiasa. Berbanding dengan negara lain yang mampu menjalankan peranan ini apabila wujudnya kawalan yang paling minima dari kerajaan ke atas akhbar-akhbar.

Banyak anggapan dan pandangan mengenai persoalan bentuk pemberitaan baru ini. Apa yang nyata tiada kajian yang dibuat untuk menilai keadaan sebenar. Kerana itulah juga mengapa penulis memilih tajuk yang menarik ini untuk kajian. Kajian yang dibuat berupa kajian analisa kandungan akhbar-akhbar untuk menilai keupayaan mereka menjalankan peranan penyiasatan ini, bukannya kekesanan bentuk pemberitaan ini ke atas pembaca atau kerajaan. Sila rujuk bab keadaah penyelidikan untuk pemahaman lanjut mengenai kajian ini.